



PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 9 TAHUN 2021

PELAKSANAAN SUMBANGAN STAF UMP MELALUI PENGURANGAN ELAUN DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

1. TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2021 yang bersidang pada 26 Jun 2021 dan 3 Julai 2021 yang telah meluluskan pelaksanaan sumbangan staf UMP melalui pengurangan elaun dalam mendepani pandemik COVID-19.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Ketua Setiausaha Negara, melalui surat edaran dengan nombor rujukan JPA(S)63/168/1 Jld. 3 (4) bertarikh 1 Jun 2021, telah mengumumkan untuk melaksanakan sumbangan penjawat awam melalui pengurangan elaun dalam mendepani pandemik COVID-19 dengan perincian berikut:

- i. Sumbangan tersebut adalah bertujuan bagi menzahirkan kebersamaan penjawat awam dalam menyokong usaha kerajaan bagi menangani keadaan semasa negara yang berdepan dengan cabaran kritikal disebabkan penularan wabak COVID-19 yang berpanjangan dan memberikan kesan kepada seluruh rakyat Malaysia.
- ii. Penjawat awam lantikan tetap dan kontrak yang sedang berkhidmat menyumbang ke dalam Akaun Amanah Bencana melalui pengurangan sebahagian dari Imbuan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi tempoh tiga bulan (Julai, Ogos dan September 2021).

2.2. Bagi menyokong perkara tersebut maka Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2021 yang telah bersidang pada 26 Jun 2021 dan 3 Julai 2021, meluluskan pelaksanaan sumbangan staf UMP melalui pengurangan elaun dalam mendepani pandemik COVID-19.

3. PELAKSANAAN

3.1. Sumbangan staf UMP melalui pengurangan elaun dalam mendepani pandemik COVID-19 adalah berdasarkan ketetapan yang telah digariskan oleh Ketua Setiausaha Negara dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti seperti berikut:

- i. Melibatkan staf UMP yang sedang berkhidmat iaitu:
 - a. Staf lantikan tetap.
 - b. Staf lantikan kontrak.
- ii. Pengurangan sebahagian daripada Imbuan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA).
- iii. Pengurangan sebahagian daripada ITK dan ITKA adalah mengikut kadar dan tempoh seperti berikut:

Bil	Gred	Kadar Sumbangan	Tempoh
1.	Gred Utama A/Gred Khas A dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima	Julai, Ogos & September 2021 (tiga bulan)
2.	Gred Utama B/Gred Khas B dan setara	20% daripada ITK yang diterima	
3.	Gred Utama C/Gred Khas C dan setara	10% daripada ITK yang diterima	
4.	Gred 43 – 56 dan setara	5% daripada ITK atau ITKA yang diterima	

Bil	Gred	Kadar Sumbangan	Tempoh
5.	Gred 29 – 42 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima	

4. TEMPOH PELAKSANAAN

Sumbangan staf UMP ke dalam Tabung Amanah Bencana melalui pengurangan sebahagian daripada ITK atau ITKA adalah bagi gaji Julai, Ogos dan September 2021.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling pentadbiran ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memasyakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMIN BIN ARIS)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 06 Julai 2021